

# JAWAPAN

PELAJARAN  
30

## Maruah Diri Cermin Peribadi

1. Usaha memelihara diri daripada melakukan larangan Allah SWT dan perkara yang boleh mencemarkan kehormatan diri, keluarga dan masyarakat.

2. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: "Sesungguhnya Allah SWT suka kepada perkara yang bernilai tinggi dan mulia serta membenci perkara yang keji." (Riwayat at-Tabrani)

### 3. Pakaian

- (a) Menutup aurat
- (b) Kemas dan bersih
- (c) Tidak mencolok mata

### Percakapan

- (a) Bermanis muka ketika bercakap
- (b) Bercakap perkara yang berfaedah
- (c) Tidak memungkiri janji

### Tingkah laku

- (a) Tidak menzalimi haiwan
- (b) Menjaga kebersihan alam sekitar
- (c) Menggunakan media sosial dengan berhemah

4. (a) Mendapat dosa kerana melanggar perintah Allah SWT  
(b) Mendorong berlakunya jenayah  
(c) Melahirkan masyarakat yang kucar kacir  
(d) Kehidupan tidak diberkati oleh Allah SWT

5. (a) Kehidupan dirahmati, diberkati dan diredayai oleh Allah SWT  
(b) Akan dihormati oleh rakan dan masyarakat  
(c) Mendapat pahala kerana patuh akan suruhan dan larangan Allah SWT  
(d) Negara aman, maju dan tenteram  
(e) Mencapai kejayaan dalam hidup

6. Aktiviti murid

### POWER PT3

#### Bahagian A

- 1. B
- 2. B

#### Bahagian E

- 1. (a) (i) keperibadian  
(ii) wajib  
(iii) salam  
(iv) muka
- (b) Ibu bapa Atiqah perlu memberikan nasihat dan didikan agama agar dia tahu akan batas yang perlu dipatuhi. Selain itu, mereka sendiri perlu menunjukkan contoh yang baik untuk diikuti oleh Atiqah. Oleh itu, sebagai ibu bapa kita memainkan peranan yang penting untuk mendidik anak supaya memelihara maruah diri mereka kerana ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dengan mereka berbanding orang lain.
- (c) (i) Kehidupan dirahmati, diberkati dan diredayai oleh Allah SWT  
(ii) Akan dihormati oleh rakan dan masyarakat

### POWER KBAT

- 1. Ibu bapa Fadwa perlu membiasakan untuk bercakap dengan sopan dengan Fadwa dan ahli keluarga yang lain agar menjadi ikutan. Didikan ini amat penting untuk memastikan sikap buruk tersebut tidak berterusan hingga dewasa yang mana akan merosakkan nama baik keluarga.
- 2. Kehidupan akan menjadi tidak tenang kerana sikap-sikap tidak bermaruah yang diamalkan menjadikan diri tidak disenangi malah dibenci masyarakat. Selain itu, diri juga akan mendapat kemurkaan Allah dan akhirnya hidup menjadi kucar kacir dan tidak tenteram.
- 3. Saya akan memilih rakan yang tidak melakukan perbuatan tersebut, dengan itu saya akan dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan aktiviti yang mendatangkan dosa. Di samping itu, saya juga akan menasihati rakan-rakan agar menjauhi perbuatan mengumpat dengan mengingatkan balasan Allah yang amat dahsyat.